

Dua sekawan dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan membunuh kenalan lelaki

KUCHING: Dua sekawan dihadapkan ke Mahkamah Majistret Serian semalam atas tuduhan membunuh kenalan lelaki mereka dalam satu kejadian di Kampung Sungai Engkabang B pada 22 Jun 2025.

Alexson Juli Robinson, 25 dan Tan Poh Cheng, 30, mengangguk faham selepas pertuduhan dibacakan terhadap mereka di hadapan Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan kerana kes bunuh di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Mahkamah menetapkan sebutan semula pada 7 Ogos 2025 bagi laporan bedah siasat.

Sementara menunggu tarikh tersebut, kedua-dua tertuduh diperintahkan untuk direman lanjut di Penjara Puncak Borneo.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua tertuduh didakwa melakukan pembunuhan dengan menyebabkan

kematian Kelvin Ronald Empin, 24, dalam satukejadian sekitar jam 5.30 petang pada 22 Jun 2025 di kuarters pekerja di Batu 52, Kampung Sungai Engkabang B, Jalan Sri Aman - Kuching.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman mati atau penjara minimum 30 tahun dan maksimum 40 tahun dan jika tidak dihukum mati hendaklah dikenakan sebatan tidak kurang daripada 12 kali, jika sabit kesalahan.

Difahamkan, kedua-dua tertuduh bersama beberapa individu lain dan mangsa sedang minum minuman beralkohol pada hari kejadian sebelum berlaku pertengkaran antara tertuduh dan mangsa akibat salah faham.

Mangsa dikatakan mempunyai hubungan dengan isteri salah seorang daripada tertuduh sehingga tidak sedarkan diri.



DIBICARA: Alexson (belakang) dan Tan (hadapan, berbaju hitam berkollar) diiring polis masuk ke dalam kenderaan selesai sebutan kes di Mahkamah Majistret Serian semalam.

wang, menyebabkan dia dipukul oleh kedua-dua tertuduh sehingga tidak sedarkan diri.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Chuah Kai Sheng sementara kedua-dua tertuduh tidak

diwakili peguam.

Kes disiasat oleh Pegawai Penyiasat ASP Musa Dolmat.